

03/12/1999

Amalan `perebutan dalam senyap' perlu dibendung

Mior Kamarul Shahid

WALAUPUN pilihan raya sudah berlalu, perjuangan perlu diteruskan. Sebagai sebuah negara yang berpegang teguh kepada amalan sistem demokrasi, keputusan rakyat mesti dihormati. Bagi Barisan Nasional (BN), meski pun menang dalam pilihan raya umum 1999 dengan kelebihan dua pertiga majoriti di Parlimen untuk membentuk kerajaan, ia menerima kekalahan bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan kerusi Parlimen di Kelantan dan Terengganu. Bagi BN, terutamanya Umno dan parti komponen yang lain, sekarang ialah masa untuk bekerja semula dengan azam yang baru. Jika BN berazam menawan semula Kelantan dan Terengganu serta memastikan beberapa negeri lain tidak terlepas ke tangan parti pembangkang dalam pilihan raya akan datang, pendekatan yang baru haruslah diterapkan mulai sekarang. BN perlu berani mengubah sikap dan amalan pemimpin, terutamanya wakil rakyat dan kepimpinan dalam parti.

Memang diakui BN tidak ketandusan pemimpin. Soalnya, apakah mutu pemimpin yang benar-benar diperlukan?. Hari ini jumlah pemimpin tidak begitu penting. Lebih utama ialah mutu kepimpinan mereka. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah contoh pemimpin yang mempunyai mutu yang tinggi dan berwawasan bagi menerajui negara menghadapi alaf baru. Namun, meletakkan tugas berat ini di bahunya seorang, tentulah menambahkan beban keatasnya. Beliau mengharapkan semua pemimpin yang lain di semua peringkat berganding bahu untuk melaksanakan tugas yang mencabar itu. Disebabkan pentadbiran dan pengurusan kerajaan adalah keputusan dan tanggungjawab bersama, maka setiap mereka perlu memainkan fungsi masing-masing dengan berkesan. Mereka perlu faham dan menterjemahkan cita-cita dan wawasan kepimpinan kerajaan untuk kesejahteraan rakyat. Pemimpin yang "pepat di luar, rencung di dalam" tidak ada tempat dalam kerajaan dan parti.

Apakah pemimpin yang sekadar mahu memanaskan kerusi masih diperlukan lagi di negara ini?. Malaysia memerlukan pemimpin tulen yang berjuang dengan ikhlas, semata-mata untuk memenuhi kepentingan dan hasrat rakyat. Pemimpin yang sekadar menjadikan moto perjuangan `membela rakyat' sebagai slogan untuk mendapat sokongan, tidak diperlukan lagi. Jika mereka berjuang untuk membantu rakyat, ia hendaklah disertakan dengan bukti, bukan sekadar retorika. Hari ini, ramai pemimpin yang gagal meletakkan perjuangan untuk membantu rakyat sebagai keutamaan. Mereka berjuang sekadar untuk mencari kedudukan dalam parti dan kerajaan. Mereka adalah pemimpin oportunist. Jika ada kekosongan dalam kepimpinan parti, mereka mula menjalankan jarum politik agar dapat mengisi jawatan berkenaan. Maka, bermulalah kempen untuk menghasut sesama sendiri memburuk-burukkan individu lain, seolah-olah merekalah yang paling layak menerajui kepimpinan parti sama ada peringkat cawangan, bahagian atau Pusat. Ini mudah difahami kerana dengan kedudukan itu mereka beranggapan peluang untuk bertanding dalam pilihan raya, lebih cerah. Mereka sudah mula menggambarkan kemudahan diri yang akan mereka nikmati selain kuasa untuk mengeluarkan arahan dan bertindak mengikut budi bicara sendiri.

Apabila tidak dicalonkan, mereka berasa sakit hati dan cuba menjatuhkan sesama sendiri. Jika menang dalam pilihan raya pula, mereka bercita-cita untuk mendapat kedudukan lebih tinggi dalam kerajaan. Jika ada kekosongan jawatan Exco, mereka akan berusaha untuk mendapatkannya dengan apa cara sekali pun. Sekarang, setelah melihat kekosongan jawatan menteri, timbalan menteri dan Setiausaha Parlimen, masing-masing mahu agar nama mereka

ditonjolkan. Lobi-melobi pun bermula tanpa perasaan malu. Jika ada jawatan menteri besar yang kosong, mereka akan cuba membariskan diri untuk memberi gambaran mereka layak menjawat jawatan itu. Mereka akan menggunakan tokoh yang berpengaruh untuk memujuk pihak kepemimpinan tertinggi bagi memastikan jawatan itu tidak terlepas kepada individu lain.

Amalan ini sudah berlaku agak lama dan boleh dianggap sebagai api dalam sekam. Inilah antara puncanya berlaku politik wang. Untuk mendapatkan kuasa, wang digunakan untuk mendapat sokongan. Mereka juga berbuat demikian kerana asyik dengan `hasutan' pengikut yang terlalu mengharap mereka menaiki tangga hiraki kepemimpinan negeri atau Pusat. Dengan cara itu, pengikut juga akan mendapat `tempias' daripada apa juga yang dinikmati oleh pemimpin yang mereka sokong. Sekurang-kurangnya, mereka mahu mendapat peluang untuk mendapatkan projek pembangunan yang dilaksanakan. Mereka lebih mementingkan kantung sendiri daripada memikirkan sama ada rakyat meluat atau tidak dengan gelagat mereka.

Masalah dalam kepimpinan Umno ialah kerana terlalu ramai yang bersikap mementingkan diri sendiri. Mereka mengintai peluang perniagaan kerana itulah cara paling mudah untuk menyenangkan diri dan keluarga sendiri. Dengan bantuan pemimpin yang mereka sokong, ia memudahkan usaha mereka untuk mendapatkan sesuatu projek. Memang benar, dalam hiraki kepemimpinan negara, tidak dapat dielakkan bahawa ada pemimpin yang perlu dipilih untuk mengisi jawatan penting yang disediakan. Hiraki kepemimpinan adalah ibarat sebuah piramid. Ia menjurus di bahagian atas, yang bermakna tidak ramai diberi peluang untuk menjawat jawatan itu.

Disebabkan bilangan mereka yang mungkin tidak mendapat tempat itu lebih besar, maka berlakulah `perebutan dalam senyap'. Amalan seperti ini perlu dirombak. Setiap mereka yang dipilih untuk memegang sesuatu jawatan hendaklah berbekalkan rekod perkhidmatan yang cemerlang, bukan sekadar berasaskan kepada populariti individu berkenaan. Pelantikan mereka untuk mengisi sesuatu jawatan hendaklah bebas daripada sebarang pengaruh luaran. Setiap pihak perlulah memberi kebebasan kepada Dr Mahathir membuat keputusan kerana beliau lebih nampak ciri-ciri kepemimpinan seseorang.

(END)